

NAMA:

TINGKATAN:

**MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5
TAHUN 2022/2023**

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 1

1 JAM 15 MINIT

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Modul ini mengandungi **40 soalan**
2. Jawab **semua** soalan .
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Modul ini mengandungi 18 halaman bercetak

Jawab **semua** soalan

- 1 Maklumat di bawah berkaitan dengan etika profesion perakaunan.

Seorang akauntan tidak boleh berkompromi dan berat sebelah semasa menjalankan tugas.

Yang manakah kod etika yang tepat?

- A Sifat profesional
 - B Kompetensi
 - C Objektiviti
 - D Integriti
- 2 Apakah badan perakaunan yang memberi khidmat sokongan kepada ahli dan pelajarannya?
- A Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
 - B Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA)
 - C Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)
 - D Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- 3 Antara berikut yang manakah hasil operasi bagi perniagaan Sabrina Stationery Enterprise?
- A Jualan alat tulis
 - B Dividen diterima
 - C Komisen diterima
 - D Untung jualan perabot

- 4 Berikut merupakan kesan urus niaga terhadap persamaan perakaunan yang diperoleh daripada Perniagaan Pakaian Zaharah.

Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti pemilik (RM)
Bertambah	Bertambah	-

Urus niaga yang manakah menepati kesan berkenaan?

- A Menjual pakaian secara tunai RM350
 - B Membeli pakaian secara kredit RM4 200
 - C Menerima cek daripada akaun belum terima RM1 800
 - D Membawa masuk tunai peribadi ke dalam perniagaan RM5 000
- 5 Pilih padanan yang betul.

	Dokumen Sumber	Dokumen Bukan Sumber
A	Invois	Nota Debit
B	Penyata Akaun	Baucer Pembayaran
C	Makluman Debit	Penyata Bank
D	Pesanan Belian	Slip Daftar Tunai

- 6 Perbualan berikut berlaku antara seorang peniaga dengan pekerjaanya.



Apakah buku catatan pertama yang digunakan untuk merekod dokumen dalam perbualan di atas?

- A Jurnal Pulangan Jualan
- B Jurnal Pulangan Belian
- C Jurnal Jualan
- D Jurnal Belian

7 Berikut adalah dokumen yang dikeluarkan oleh Kedai Perabot Ihsan.

ASAL	INVOIS Kedai Perabot Ihsan Lot 6 Bandar Laguna Merbok, 08000 Sungai Petani, Kedah			No: 4351
				Tarikh: 9 Mei 2022
Kepada: Pn Nur Amena 76 Taman Bersatu, 08000 Sungai Petani, Kedah				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah
1	Meja pejabat	2	RM 900	RM 1 800
Tolak: Diskaun niaga 10%				1 800 (180)
Jumlah				X
Ringgit Malaysia: Seribu Sahaja Syarat: 15% 10 hari, 10% 30 hari K. & K. di K.				
<i>Amena</i> Penerima			<i>Ihsan</i> Pengurus	

Berapakah diskaun tunai yang diperoleh sekiranya Pn Nur Amena membuat pembayaran pada 18 Mei 2022?

- A RM162
- B RM180
- C RM243
- D RM270

8 Apakah maksud syarat 'K. & K. di K.' yang dinyatakan dalam invois?

- A Kesilapan boleh dibetulkan melalui makluman debit
- B Kesilapan boleh dibetulkan melalui nota kredit
- C Kesilapan boleh dibetulkan melalui memo
- D Kesilapan boleh dibetulkan melalui resit

9 Urus niaga berikut diambil daripada Kedai Komputer Top Ncity pada 3 Mei 2022.

Pemilik mengambil 2 set komputer untuk kegunaan pekerjaanya di pejabat berjumlah RM5 400.

Pilih catatan yang betul di dalam Jurnal Am.

A

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2022 Mei 3	Alatan pejabat Ambilan	RM 5 400	RM 5 400

B

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2022 Mei 3	Ambilan Belian	RM 5 400	RM 5 400

C

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2022 Mei 3	Ambilan Modal	RM 5 400	RM 5 400

D

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2022 Mei 3	Alatan Pejabat Belian	RM 5 400	RM 5 400

10 Berikut ialah petikan Buku Tunai yang diperoleh daripada Kedai Serbaneka Mesra.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2022 April 6	X	RM	RM 553	RM	2022		RM	RM	RM

Apakah X ?

- A Angkutan masuk
- B Ambilan
- C Jualan
- D Belian

- 11 Encik Azlee pemilik Bahulu Kedah House mengedarkan bahulu berperisa lemon kepada orang ramai sebagai sampel. Apakah akaun yang didebitkan?

A Inventori
 B Promosi
 C Ambilan
 D Belian

- 12 Maklumat berikut dipetik daripada buku perakaunan Yash Enterprise pada bulan Disember 2021.

Butir	1 Januari 2021 RM	31 Disember 2021 RM
Akaun Belum Bayar	1 200	2 700

Maklumat tambahan:

- i) 60% daripada jumlah belian RM7 100 adalah belian secara kredit
 ii) Diskaun diberi RM400 dan diskaun diterima RM350

Berapakah pembayaran kepada pembekal?

A RM2 360
 B RM2 410
 C RM3 110
 D RM3 160

- 13 Baki akaun yang manakah disenaraikan dengan betul dalam Imbangan Duga?

A	Pinjaman bank	Debit
B	Komisen jurujual	Kredit
C	Hutang lapuk terpulih	Debit
D	Faedah atas simpanan	Kredit

14 Antara berikut butiran yang manakah dicatat dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- I Gadai janji
- II Modal awal
- III Inventori awal
- IV Faedah atas pinjaman

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

15 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Georgeous Trading pada 31 Mac 2022.

	RM
Akaun belum bayar	3 300
Lengkapan	6 000
Bank	21 800
Pinjaman (matang Disember 2022)	10 000
Simpanan tetap	25 000

Berapakah nilai modal kerja?

- A RM43 500
- B RM39 500
- C RM33 500
- D RM18 500

16 Antara berikut yang manakah merupakan liabiliti semasa?

- I Utiliti belum bayar
- II Insurans prabayar
- III Sewa belum terima
- IV Jualan belum terperoleh

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Antara berikut yang manakah merupakan pelarasan Akaun Nominal?

- A Komputer terpakai dijual secara kredit dengan harga RM2 000
- B Pemilik membawa masuk tunai peribadi RM5 000 untuk kegunaan perniagaan
- C Ambilan barang niaga oleh pemilik RM250 belum direkodkan dalam mana-mana buku
- D Premium insurans RM1 200 telah dibayar pada 1 April 2021 bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2021

18 Sebuah mesin telah dibeli dengan harga RM15 000. Selepas 8 tahun mesin tersebut dianggarkan bernilai RM3 000.

Berapakah susut nilai tahunan mesin tersebut?

- A RM1 500
- B RM1 875
- C RM2 250
- D RM3 000

- 19 Petikan Imbangan Duga di bawah diambil daripada buku perakaunan Kedai Baru Jumpa.

Kedai Baru Jumpa
Imbangan Duga pada 31 Disember 2021 (petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	12 300	
Peruntukan hutang ragu		700
Hutang lapuk	250	

Maklumat tambahan:

- i) Seorang pelanggan telah mufis dan baki akaunnya RM400 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.

Berapakah nilai peruntukan hutang ragu yang akan direkod dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM233
 - B RM238
 - C RM462
 - D RM467
- 20 Di antara yang berikut, jenis kesilapan manakah yang memberi kesan terhadap keseimbangan dalam Imbangan Duga?
- A Kesilapan amaun
 - B Kesilapan prinsip
 - C Kesilapan terbalik
 - D Kesilapan komisen
- 21 Apakah maksud kadar pusing ganti inventori?
- A Berapa kali inventori digunakan dalam satu tempoh perakaunan
 - B Berapa kali inventori dihitung dalam satu tempoh perakaunan
 - C Berapa kali inventori dinilai dalam satu tempoh perakaunan
 - D Berapa kali inventori dibeli dalam satu tempoh perakaunan

22 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Superstar Sdn Bhd.

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022	
	RM
Jualan	100 000
(-) Kos Jualan	<u>20 000</u>
Untung Kasar	80 000
 + Hasil	 <u>4 000</u>
	84 000
 (-) Belanja	 <u>25 000</u>
Untung Bersih	59 000

Berapakah modal yang diperlukan untuk memperoleh sasaran pulangan atas modal sebanyak 20%?

- A RM100 000
- B RM295 000
- C RM400 000
- D RM500 000

23 Apakah implikasi yang berlaku sekiranya Kedai Runcit Cahaya tidak menyimpan rekod perakaunan mengikut sistem catatan bergu?

- A Penyata kewangan sukar disediakan
- B Untung atau rugi tidak dapat ditentukan
- C Imbangan duga dapat disediakan dengan betul
- D Perbandingan prestasi dapat dilakukan dengan tepat

24 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Delima.

	RM
Modal pada 1 Januari 2021	44 200
Modal pada 31 Disember 2021	51 300
Modal tambahan	7 000
Ambilan	600

Berapakah untung bersih atau rugi bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2021?

- A Untung bersih RM13 500
- B Untung bersih RM700
- C Rugi bersih RM13 500
- D Rugi bersih RM700

25 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Bestari.

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
	RM	RM
Sewa belum terima	500	370
Sewa belum terperoleh	120	450
Sewa yang diterima sepanjang tempoh perakaunan adalah RM4 200		

Berapakah jumlah sewa diterima yang perlu direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021?

- A RM3 740
- B RM4 000
- C RM4 400
- D RM4 660

26 Apakah tujuan sistem kawalan tunai diamalkan ?

- A Memastikan pelaburan tunai dibuat setiap bulan
- B Memastikan semua dokumen sokongan menjadi bukti urus niaga
- C Memastikan risiko penyelewengan dan kecurian tunai akan berlaku
- D Memastikan penggunaan tunai yang optimum untuk tujuan produktif

27 Maklumat berikut diperoleh daripada Seri Mewangi Sendirian Berhad.

	RM
Baki kredit penyata bank	10 500
Cek belum dikemukakan	6 700
Deposit belum dikreditkan	8 300

Berapakah baki akhir di buku tunai ?

- A RM4 500
- B RM8 900
- C RM12 100
- D RM25 500

28 Maklumat berikut diperoleh daripada Belanjawan Tunai Perniagaan Suri Idaman.

Butiran	RM
Baki b/b	9 900
Jualan	11 200
Belian	7 100
Pinjaman bank	20 000
Kadar bayaran	500

Berapakah lebih atau kurang Perniagaan Suri Idaman?

- A Lebih RM33 500
- B Lebih RM23 600
- C Kurangan RM16 400
- D Kurangan RM6 500

- 29 Seroja dan Melati, pemilik Perkongsian Sejati tidak menyediakan sebarang Ikatan Perkongsian dan mereka bersetuju untuk mengikut Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961 dalam pengurusan perniagaan mereka.

Antara berikut, yang manakah benar tentang akta tersebut?

- I Gaji dibayar kepada pekongsi yang menguruskan perniagaan
 - II Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah modal pekongsi
 - III Faedah atas pinjaman pekongsi dibayar 8% setahun
 - IV Faedah atas modal tidak dibayar kepada pekongsi
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 30 Maklumat berikut diperolehi daripada buku-buku Din dan Man Enterprise.

		RM
Modal pada 1 Januari 2021:		
Man		50 000
Din		30 000

Maklumat tambahan:

- i. Man membawa masuk kenderaan RM20 000 pada 31 Mac 2021 untuk kegunaan perniagaan
- ii. Pekongsi menetapkan faedah atas modal 5% dibayar atas modal akhir.
- iii. Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berapakah jumlah faedah atas modal yang dibayar kepada pekongsi?

- A RM4 000
- B RM4 250
- C RM4 750
- D RM5 000

31 Apakah yang berlaku apabila sebuah perkongsian dibubarkan?

- A Aset perniagaan dijual pada harga kos
- B Liabiliti perniagaan ditanggung sama rata antara pekongsi
- C Tunai perniagaan diagihkan mengikut nisbah modal pekongsi
- D Nama perniagaan dibatalkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

32 Berikut ialah beberapa catatan jurnal Perkongsian Maya yang disediakan semasa berlaku pembubaran pada 30 April 2022.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	F	Debit RM	Kredit RM
2022 Apr 30	Akaun Belum Bayar Modal Yaya (.....P.....)		1 200	1 200
	Modal Maria Modal Yaya Realisasi (.....Q.....)		10 000 5 000	15 000

Apakah keterangan yang sesuai untuk P dan Q?

- I Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya
 - II Pekongsi menjelaskan hutang perniagaan
 - III Merekod untung realisasi
 - IV Merekod rugi realisasi
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

- 33 Maklumat berikut berkaitan dengan modal syer Syarikat Chanteq Berhad pada 1 April 2022 yang telah dilanggan dan membayar penuh.

Syer Biasa	8% Syer Keutamaan
2 000 000 unit	300 000 unit
RM1 sesyer	RM2 sesyer

Berapakah nilai modal yang diterbitkan dan membayar penuh?

- A RM2 300 000
 - B RM2 600 000
 - C RM4 600 000
 - D RM6 900 000
- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan Modal Syer Biasa Syarikat Zamrud Berhad
- Modal diterbitkan dan membayar penuh terdiri daripada 300 000 unit 5% Syer Keutamaan bernilai RM2.00 sesyer pada 28 Februari 2022
 - Pada 1 Julai 2022, syarikat telah mengisytiharkan dividen Syer Keutamaan
 - Bagi tahun berakhir 31 Disember 2022, syarikat akan memutuskan untuk membayar dividen akhir Syer Keutamaan

Berapakah Dividen Interim?

- A RM10 000
 - B RM12 500
 - C RM15 000
 - D RM17 500
- 35 Apakah tujuan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan kelab disediakan?
- A Merekod penerimaan dan pembayaran
 - B Menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti
 - C Mengira pendapatan dan perbelanjaan modal
 - D Menghitung lebihan dan kurangan pendapatan

36 Data berikut dipetik daripada Kelab Rekreasi Jaya:

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
	RM	RM
Yuran belum terima	165	120
Yuran belum terperoleh	60	-

Maklumat tambahan:

Terimaan yuran ahli sepanjang tahun ialah RM4 390 (termasuk baki yuran belum terima tahun 2020).

Berapakah jumlah yuran yang dipindahkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021?

- A RM4 225
- B RM4 285
- C RM4 405
- D RM4 495


37 Kelab Penduduk Taman Kayangan mempunyai baki tunai RM3 876 pada 1 Jun 2022. Berikut adalah penerimaan dan pembayaran kelab sepanjang bulan Jun 2022.

	RM
Yuran ahli	650
Akhbar dan Majalah	43
Yuran Masuk ahli baru	70
Elektrik	168

Berapakah baki awal tunai Kelab Taman Kayangan pada 1 Julai 2022?

- A RM4 385
- B RM4 245
- C RM3 085
- D RM2 945

38 Graf berikut menunjukkan Titik Pulang Modal Kilang Bunga Ihsan.



Apakah **M**?

- A Kos Tetap
- B Kos Berubah
- C Jumlah Hasil
- D Jumlah Kos

39 Antara urus niaga berikut, yang manakah menyebabkan penambahan kos prima?

- I Royalti tertinggal catat
- II Pulangan belian bahan langsung terkurang catat
- III Angkutan masuk tersalah catat dalam angkutan keluar
- IV Upah operator pengeluaran termasuk gaji penyelia kilang

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

- 40 Maklumat berikut berkaitan pengeluaran dan jualan kasut Kilang Kasut Star pada 31 Disember 2021:

	RM
Inventori awal barang siap	17 200
Inventori akhir barang siap	15 320
Kos Pengeluaran	25 456
Jualan	54 640
Belian barang siap	10 445

Berapakah untung kasar bagi tahun berakhir 31 Disember 2021?

- A RM16 859
- B RM27 304
- C RM29 184
- D RM42 315

MODUL TAMAT